

# Strategi Abdullah perkukuh ekonomi

BH-  
9/6/2007

**A**PABILA Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengambil alih kepemimpinan negara pada Oktober 2003, Perdana Menteri menerima pelbagai tekanan dan kritikan termasuk sentimen kurang memberangsangkan daripada pelabur, menyebabkan ekonomi bergerak perlahan. Sektor perindustrian terutama pembinaan menyaksikan pertumbuhan negatif dua tahun kemudian. Malah sejak lebih setahun lalu, kepemimpinan Abdullah sendiri menyaksikan kritikan berterusan daripada Tun Dr Mahathir Mohamad. Namun, Abdullah meneruskan pentadbiran dengan caranya tersendiri tidak agresif tetapi konsisten, memperkenalkan beberapa dasar baru dan memantapkan pentadbiran dengan memberi penekanan ke arah meningkatkan kecekapan dan integriti perkhidmatan awam. Bank saudagar antarabangsa, Merrill Lynch dalam analisis terbarunya mengenai Malaysia mengupas kepemimpinan Abdullah dengan menyatakan meskipun pembaharuan dicatatkan Malaysia ketika ini menarik banyak perhatian, rejim baru politik negara di bawah kepemimpinan Perdana Menteri umumnya kurang diberi penghargaan. Ia menyatakan penghargaan yang sepatutnya tidak diberikan kepada kepemimpinan Abdullah. Menurut Merrill Lynch, meskipun Perdana Menteri selalu dikritik kerana terlalu perlahan, teragak-agak dan sering menyerahkan keputusan kepada persetujuan bersama, ia percaya gaya baru kepemimpinannya mungkin yang sebenarnya diperlukan negara untuk memberi nafas baru kepada prospek pertumbuhan jangka panjang, terutama ketika berdepan kepepatan globalisasi. Menurut Merrill Lynch, ini bermakna satu strategi ekonomi baru diperlukan. Justeru, amat penting bagi Malaysia memulakan strategi baru bagi membantu memulihkan ekonomi. Berita baiknya ialah Perdana Menteri nampaknya mengemudi Malaysia di landasan yang betul, kata laporan itu lagi.

Sejak memimpin negara, Abdullah membuat banyak keputusan sukar tetapi kritikal. Beliau menyusun semula GLC yang kebanyakannya lahir pada era 1980-an sebagai sebahagian daripada rancangan penggantian import kerajaan, yang ditubuhkan untuk membangunkan industri berat seperti automotif, keluli, kimia dan simen serta mewujudkan komuniti perniagaan Bumiputera. Abdullah turut mewujudkan iklim pelaburan yang baik menerusi liberalisasi pertukaran asing, hubungan luar yang bertambah baik dengan pendekatan terbaik-baik, mengurangkan subsidi bahan api, membatalkan atau menanggungkan projek kurang penting, sebaliknya memberi keutamaan kepada projek berimpak tinggi. Ini jelas menunjukkan Abdullah memahami kepentingan disiplin fiskal dan tidak mahu melancarkan sesuatu projek yang gah pada nama, tetapi kurang memberi impak kepada rakyat serta boleh menggugat rizab negara. Langkah itu yang mula dinikmati pelabur asing dan rakyat tempatan, memainkan peranan penting dalam menarik semula modal dan pelaburan asing selain keyakinan rakyat terhadap kepemimpinan yang bukan senang untuk difahami menerusi mata kasar.

Kini ekonomi negara menuju ke arah peningkatan struktur jangka panjang, yang bukan saja mencerahkan lagi prospek pertumbuhan ekonomi pada tahun akan datang, malah menyokong harga aset. Bank Negara Malaysia, meramalkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang lebih tinggi lagi iaitu 6.0 peratus tahun ini. Penanda aras Indeks Komposit di Bursa Malaysia yang cuma berada pada paras 792.72 mata pada akhir 2003, melonjak ke paras tertinggi dalam tempoh 47 tahun sejarah pasaran saham tempatan apabila mencecah 1,342.79 mata, baru-baru ini, sekali gus antara terbaik prestasinya di rantau ini tahun ini. Semuanya hasil pelaksanaan beberapa pembaharuan ekonomi oleh Abdullah sejak kebangkangan ini.